

Headline	RM1.1 juta laksana projek menghijaukan ibu kota		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	24	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,880
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,640



# RM1.1 juta laksana projek menghijaukan ibu kota

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperuntukkan RM1.1 juta bagi projek pembangunan kawasan hijau dan peningkatan biodiversiti di ibu kota bagi tempoh tiga tahun sehingga 2017.

Ketika ini, hanya 28 peratus dari kawasan di bandar raya ini dipenuhi hutan manakala selebihnya diteroka bagi tujuan pembangunan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Ahmad Phesal Talib, berkata usaha itu disokong menerusi memorandum perjanjian (MoA) yang ditandatangani pihaknya dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Katanya, ia akan membolehkan lebih banyak projek taman botani dan penghutan semula dilakukan di ibu negara.

“Menerusi MoA itu, tiga pegawai dan dua pembantu penyelidikan FRIM akan melaksanakan kerja penanaman semula pelbagai spesies pokok di Taman Botani Perdana, selain penjagaan tapak semaian.

“Kajian biodiversiti merangku-

mi inventori dan penilaian spesies pokok sedia ada berdasarkan keperluan botani dan ekologi turut dibuat.

**Buku panduan koleksi pokok**  
“Kita juga akan mewujudkan buku panduan koleksi pokok bagi kemudahan pelawat,” katanya pada sidang media selepas majlis pemeteraian MoA itu di sini, semalam.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abdul Latiff Mahmud, hadir sama.

Ahmad Phesal berkata, MoA itu turut merangkumi Taman Rimba Bukit Kerinchi bagi kajian corak tumbuhan, tanah dan hidrologi.

Katanya, dua taman rekreasi iaitu Taman Dusun Bandar dan Taman Rekreasi Kolam Takungan Banjir Kampung Bohol turut disenaraikan dalam pelan kajian serta cadangan pemulihan kawasan berkenaan.

“DBKL turut membangunkan herbarium bagi melengkapkan taman botani di Jalan Cenderasari bagi menempatkan spesimen hasil kajian FRIM yang dijangka bermula hujung tahun ini,” katanya.

Headline	RM1.1 juta laksana projek menghijaukan ibu kota		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	19 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	24	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	204 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,880
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,640



Ahmad Phesal (kiri) dan Dr Abdul Latif selepas menandatangani **MoA antara DBKL dan FRIM** di Menara DBKL, semalam.